



Segar • Progresif • Diyakini
AKHBAR PALING PANTAS BERKEMBANG DI MALAYSIA



Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

www.kosmo.com.my

ISNIN 5 MAC 2018

RM1 BIL: 160 TAHUN 13 PP13809/08/2012 (030437)

Pekerja maut kren tumbang di tapak pembinaan MRT

SEORANG pekerja pembinaan warga tempatan maut manakala seorang lagi patah kaki selepas sebuah kren gelangsar gantri dari ketinggian kira-kira 12 meter tumbang di tapak pembinaan Transit Aliran Massa (MRT) di Jalan Jinjang, Kuala Lumpur pada pukul 11.40 malam kelmarin.

Mangsa, Firdaus Abdul Mutalib, 41, disahkan meninggal dunia pada pukul 12.12 malam selepas

terjatuh dari atas gelangsar gantri itu dan mayatnya dihantar ke Hospital Kuala Lumpur untuk bedah siasat.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahan berkata, seorang lagi mangsa dikenal pasti sebagai Zulhelmi Arsyad, 24, yang patah kaki kanan dan dihantar ke Hospital Selayang untuk menerima rawatan.

» LAPORAN DI MUKA 8



INILAH kren sepanjang 96 meter yang tumbang dan menyebabkan seorang pekerja maut di tapak pembinaan MRT, Jalan Jinjang, Kuala Lumpur malam kelmarin.



Pelajar UPSI maut dirempuh treler »17



Lembu berwajah kucing parsi di Surabaya, Indonesia »47



ANGGOTA polis mengangkat kepala wanita tanpa badan yang ditemui penduduk di tebing Batang Lupar, Sri Aman kelmarin.

Penduduk rumah panjang jumpa kepala wanita tanpa badan

PENDUDUK sebuah rumah panjang heboh dengan penemuan kepala wanita tanpa badan yang ditemui di tebing Batang Lupar, Sri Aman, Sarawak kelmarin.

Ketua Polis Daerah Sri Aman, Deputi Superintendan Othman Sulaiman berkata, kepala wanita itu ditemui oleh seorang penduduk yang tinggal di rumah panjang Skait Lama di tepi sungai itu pada pukul 4.30 petang.

"Sepasukan anggota polis yang memeriksa lokasi menemui kepala wanita yang dipercayai berusia 20-an dan telah mati dalam tempoh 24 jam," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

» LAPORAN DI MUKA 3



PERSIDANGAN Dewan Rakyat akan berlangsung selama 20 hari bermula hari ini hingga 5 April depan.



Debaran menjelang PRU-14 semakin hangat

Persidangan terakhir ahli Parlimen untuk berdebat sebelum Dewan Rakyat dibubarkan

KEHANGATAN Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) semakin terasa apabila mesyuarat terakhir Persidangan Parlimen ke-13 dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur bermula pukul 10 pagi hari ini.

Debaran PRU-14 juga semakin dirasakan apabila hampir semua ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak (gambar) di kediamannya di Seri Perdana, Putrajaya semalam.

Pertemuan pramajlis itu

diadakan bagi merangka strategi perbahasan pada persidangan Dewan Rakyat yang terakhir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan berkata, Kelab Penyokong Kerajaan BN juga sudah bersedia untuk mempertahankan dasar-dasar kerajaan pada persidangan itu.

"Kita sudah atur strategi supaya setiap isu berbangkit akan ada ahli Parlimen boleh berdebat, mempertahankan kedudukan BN dan menjelaskan perkara sebenar kepada rakyat," ujar beliau yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, Sabah ketika dihubungi Kosmo! semalam.

» BERITA DI MUKA 2



BAHANG PRU-14 semakin dirasai sebelum sidang Dewan Rakyat berakhir pada 5 April ini.